

## Keynotes

### **PROGRAM PENGHASILAN MUDBALL DI SK PUTRA BERSEMPENA KARNIVAL MESRA RAKYAT DUN INDERA KAYANGAN**

- Melibatkan 4 buah sekolah rendah berhampiran : SK Behor Empiang, SK Bintong, SK Stella Maris dan SK Putra sebagai tuan rumah program
- Mudball @ bebola lumpur dihasilkan dengan menggabungkan 3 elemen semula jadi iaitu tanah merah, dedak @ temakut dan juga mikro organisma baik yang mampu menguraikan bahan pencemar yang terdapat dalam air
- Bebola lumpur ini diolah sebegitu rupa untuk memudahkan penyebaran mikro organisma berfaedah terutama dalam air dengan lebih berkesan dan menjimatkan kos
- Penggunaan bebola lumpur dapat meningkatkan kualiti air dengan meningkatkan populasi mikro organisma berfaedah di dalam air serta meningkatkan oksigen terlarut dalam air
- Program ini dijalankan kepada pelajar sekolah rendah bagi memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan bagaimana setiap individu mempunyai tanggungjawab bagi memastikan alam sekitar kekal terpelihara
- Sebagai salah satu cara memelihara dan memulihara sungai kita, penggunaan bebola lumpur ini didedahkan kepada para pelajar sebagai alternatif yang lebih selamat dan mesra alam sekitar
- Memupuk nilai amalan mesra alam perlu seawal usia kanak-kanak perlu diterapkan bagi menanam rasa kecintaan dan menyayangi alam sekitar